

## **PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN ARTIS BUDAYA**

### **1. SKIM PERKHIDMATAN**

Artis Budaya Gred B1, B2, B3, B5, B6, B7, B8.

### **2. PERINGKAT ORGANISASI**

Jabatan Penerangan/ Istana Budaya/ Agensi kerajaan.

### **3. RINGKASAN TUGAS**

Bertanggungjawab menjalankan tugas sebagai Artis Budaya dalam persembahan PENTARAMA secara profesional, merancang, melaksana dan menyediakan laporan berkaitan persembahan bersesuaian dengan kehendak jabatan. Menguruskan aktiviti persembahan termasuk menyediakan tarian, nyanyian dan lakonan untuk persembahan dengan cekap dan berkesan dalam kumpulan Bakat dan Seni.

### **4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS**

#### **4.1 Artis Budaya Gred B1**

- a. Bertanggungjawab menjalankan tugas dalam bidang tarian, nyanyian, lakonan dan penyampaian mesej untuk persembahan serta menjalani latihan tarian di bawah pengawasan jurulatih.
- b. Bertanggungjawab memahami tarian, nyanyian, lakonan dan penyampaian mesej supaya sentiasa mengikut piawaian jabatan.
- c. Bertanggungjawab mematuhi jadual latihan yang disediakan oleh Ketua Artis Gred serta menjaga disiplin dan imej jabatan sama ada di studio atau sewaktu persembahan luar.
- d. Bertanggungjawab meningkatkan ilmu pengetahuan berkaitan isu-isu semasa, dasar kerajaan dan juga kempen-kempen yang dijalankan oleh pihak jabatan.
- e. Menjaga imej dan personaliti kendiri sebagai Artis Budaya kerajaan serta menjaga prestasi, stamina dan bentuk badan supaya sentiasa berada pada tahap piawaian yang telah ditetapkan oleh pihak jabatan.

- f. Bertanggungjawab menjaga peralatan di bawah kawalan (prop/ kostum/ busana) semasa di studio dan juga ketika melakukan tugas luar.
- g. Menjayakan persembahan tarian di dalam dan di luar negara serta memainkan peranan sebagai Penari Demonstrasi dalam experimentari.

#### **4.2 Artis Budaya Gred B2**

- a. Bertanggungjawab memastikan disiplin Artis-artis Budaya Gred B1 berada pada tahap yang memuaskan dengan memastikan mereka mematuhi jadual latihan untuk persembahan sama ada di studio atau di lokasi tugas luar.
- b. Bertanggungjawab melatih Artis-artis Budaya Gred B1 mengenai teknik nyanyian, lakonan dan penyampaian mesej yang betul mengikut piawaian jabatan di samping mencipta tari untuk persembahan-persembahan rasmi.
- c. Menyelaras program-program pembangunan negeri, motivasi, kaunseling dan kerjaya kumpulan Bakat dan Seni Gred B1.
- d. Membantu menyelaras program-program pembangunan diri, motivasi, kaunseling dan kerjaya semua pegawai kumpulan Bakat dan Seni Gred B1.
- e. Mengurus dan memantau kebajikan dan keselamatan serta menyediakan laporan mengenai disiplin Artis-artis Budaya Gred B1 semasa di studio dan di lokasi tugas luar.
- f. Mengendalikan dan membantu menyelaras projek-projek tari, teater luar dengan kerjasama Istana Budaya.
- g. Menjadi *role model* yang baik kepada Artis-artis Budaya Gred B1.
- h. Memantau disiplin Artis Budaya Istana Budaya semasa membuat latihan tari dan sewaktu persembahan, baik di dalam dan di luar negeri.

#### **4.3 Artis Budaya Gred B3**

- a. Mencipta tari untuk persembahan-persembahan rasmi.
- b. Membantu mengendalikan produksi anjuran Istana Budaya dalam aspek persediaan *repertoire*, latihan dan produksi yang terbesar dan berkonsep.

- c. Membantu menyusun jadual latihan tari dan menyelaras latihan-latihan untuk Artis Budaya Istana Budaya.
- d. Mengendalikan dan membantu menyelaras projek-projek tari, teater luar dengan kerjasama Istana Budaya.
- e. Memantau disiplin Artis Budaya Istana Budaya semasa membuat latihan tari dan sewaktu persembahan, baik di dalam dan di luar negeri.

## **5. HUBUNGAN KERJA**

### **Dalaman**

- a. Pengurusan cawangan/ bahagian dan pengurusan tertinggi jabatan.
- b. Rakan sekerja.
- c. Pegawai dan kakitangan dalam organisasi jabatan.

### **Luaran**

- a. Semua kementerian/jabatan di peringkat Persekutuan dan negeri, semua agensi/badan berkanun, semua kerajaan tempatan dan individu yang berurus.
- b. Pertubuhan kerajaan dan bukan kerajaan.
- c. Orang awam.
- d. Pemimpin masyarakat.

## **6. PERSEKITARAN KERJA**

- a. Dalam dan luar pejabat.
- b. Dalam negara dan luar negara.

## **7. KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/KEMAHIRAN)**

- a. Berkelulusan sekurang-kurangnya mempunyai Sijil dalam bidang produksi/ bakat.
- b. Berkebolehan mereka cipta bentuk tarian atau idea baru tarian dan sanggup bekerja di luar waktu pejabat dan di waktu malam.

- c. Mempunyai komitmen yang amat tinggi terhadap kerjaya sebagai penari atau pereka tari (koreografer).
- d. Mempunyai minat yang mendalam ke arah memberikan sumbangan dalam menjayakan aktiviti seni dan pementasan sehingga berjaya dengan sempurna.
- e. Berkebolehan berkomunikasi secara lisan dan bertulis sama ada dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- f. Berkebolehan memberikan pendapat secara profesional, memberi khidmat nasihat dan mengemukakan hujah-hujah dengan baik.
- g. Berkebolehan menganalisa mesej-mesej/dasar-dasar kerajaan untuk diterjemahkan dalam bentuk persembahan pentas.
- h. Mempunyai daya kreativiti yang tinggi dan peka terhadap keperluan hiburan semasa.
- i. Berkebolehan dalam membuat perancangan dan menyediakan laporan yang berkualiti.
- j. Berpengetahuan yang luas dalam bidang seni hiburan tanah air.

## **8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN**

- a. Integriti.
- b. Bertanggungjawab
- c. Profesionalisme.
- d. Kebebasan, adil dan saksama.
- e. Pro-aktif, kreatif dan inovatif.
- f. Kerahsiaan.
- g. Kompetensi dan Ketelitian.
- h. Disiplin diri.

## **9. ANCAMAN/ BAHAYA**

- a. Percanggahan kepentingan.
- b. Penglibatan dengan aktiviti luar pejabat.
- c. Penerimaan dan penilaian penonton.

- d. Kerosakan peralatan/prop/busana/kostum.
- e. Kesahihan mesej.
- f. Persaingan dalam bidang seni hiburan.

Sumber : Kementerian Penerangan Malaysia. Surat Rujukan KPO.341/1(R)/ Jld. 26 (26) bertarikh 15 Oktober 2008.